

[Year]

# **MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

## **2016**

**ISU – ISU YANG SUDAH DIBANGKITKAN  
PADA MUSIM PERMESYUARATAN KE DUA  
BELAS BAGI MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

**2016 – 2017**

**SA 10A**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

## **ISI KANDUNGAN**

1 Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dibawah Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Perkhidmatan Awam .....	2
1.1 PENSWASTAAN JAWATAN .....	2
1.2 RANCANGAN PENGGANTIAN.....	5
1.3 WARGA PERKHIDMATAN AWAM BERNIAGA .....	8
1.4 PENYEDIAAN BILIK KHAS PENJAGAAN ANAK DAMIT DI PEJABAT.	11
1.5 PENEMPATAN PEGAWAI PENTADBIR.....	14
1.6 PENSERAGAMAN CUTI JUMAAT DAN SABTU .....	17
1.7 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN.....	20

**1 Isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara dibawah Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Perkhidmatan Awam**

**1.1 PENSWASTAAN JAWATAN**

**SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pada hari Selasa 08 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 42)**

Berhubung dengan perbelanjaan kerajaan ke atas kakitangan awam yang telah meningkat kepada 30 peratus dari perbelanjaan keseluruhannya. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tahun 2014, terdapat seramai 12,667 orang atau kira-kira 23 peratus kakitangan perkhidmatan awam berada dalam Division 4 dan seramai 14,570 orang atau kira-kira 28 peratus berada dalam Division 5. Jumlah ini tidak termasuk anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sebagai usaha untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan yang mustahak lagi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien, kaola menyokong cadangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) untuk menswastakan sebahagian perkhidmatan-perkhidmatan awam

terutama yang dijalankan oleh kakitangan dalam Division 4 dan 5. Kaola pasti langkah ini juga akan meningkatkan lagi dan memerlukan kegiatan sektor swasta.

**JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Kewangan II, pada hari Selasa, 08 Mac 2016,  
Sesi Petang, m.s. 3)**

Mengenai isu menswastakan jawatan-jawatan dalam bahagian IV dan V, yang pada menjawabnya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memang ada perancangan bagi penswastaan dan outsourcing agensi-agensi dan perkhidmatan kerajaan yang difikirkan lebih efisien dilaksanakan secara penswastaan. Dalam merancang keperluan untuk penswastaan tersebut, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melihat isu penswastaan ini bukan saja di peringkat jabatan tetapi juga sebahagian dari perkhidmatan atau services yang difikirkan bersesuaian. Selain itu, ia juga tidak dihadkan kepada jawatan-jawatan dalam bahagian IV dan V tetapi adalah secara menyeluruh dalam semua peringkat di perkhidmatan awam.

Dalam hal ini, pihak kerajaan telah dan akan terus meneliti keperluan untuk menswastakan mana-mana perkhidmatan yang bersesuaian,

dengan tujuan meningkatkan produktiviti dan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

## **1.2 RANCANGAN PENGGANTIAN**

### **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, pada hari Selasa 08 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 42)**

Kaola juga difahamkan, salah satu langkah dalam berjimat cermat ialah dengan membekukan jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan awam. Berhubung dengan perkara ini kaola ingin bertanya, adakah pembekuan jawatan-jawatan kosong ini bererti penuntut-penuntut yang akan berjaya kembali dari luar negara terutama mereka yang memperolehi ijazah dan kemahiran sebagai pakar-pakar perubatan dan juga yang diikat untuk menjadi guru akan dibebaskan dari ikatan *bond* dengan kerajaan dan dibenarkan untuk mencari pekerjaan di sektor swasta sama ada dalam atau di luar negeri? Dan dengan pembekuan semua jawatan kosong di sektor kerajaan ini, kaola juga ingin tahu apakah kesannya kepada dasar *succession planning* Jabatan Perkhidmatan Awam terutama apabila banyak pegawai kanan akan bersara nanti?

### **JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Kewangan II, pada hari Selasa, 08 Mac 2016, Sesi Petang, m.s. 3)**

Mengenai kesan yang boleh timbul daripada cadangan pembekuan jawatan-jawatan terhadap pelajar dermasiswa yang diikat janji atau *bonded* dan kesannya terhadap *succession plan*. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat jawatan-jawatan kosong ini sebenarnya tidak semuanya dibekukan. Jawatan-jawatan yang dibekukan kebanyakannya adalah jawatan-jawatan yang telah lama tidak diisikan, ada sebahagiannya telah dipohonkan dalam 3-4 tahun lepas, jadi apabila direviu nampak-nampaknya jawatan-jawatan ini sebenarnya tidak diperlukan secara mendesak untuk diisikan pada ketika ini. Oleh itu, cadangan pembekuan tidaklah akan menjelaskan perancangan penggantian sesebuah jabatan.

Mengenai isu *bond* para penerima dermasiswa kerajaan yang diikat janji, kebanyakan mereka ini adalah mereka yang mengikuti kursus-kursus yang benar-benar diperlukan oleh pihak kerajaan dan seperti bidang kedoktoran dan perguruan yang jawatan-jawatan yang berkaitan tidak termasuk dalam jawatan-jawatan yang dibekukan. Maka keperluan bagi penuntut-penuntut tersebut untuk dilepaskan dari ikat janji, adalah tidak timbul. Mengenai bidang-bidang lain mungkin nanti rakan sejawatan saya Yang Berhormat Menteri Pendidikan akan dapat menjelaskan kemudian. Tambahan lagi jumlah pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang akan bersara wajib sehingga Disember 2015 dijangkakan berjumlah 1,012 orang. Jadi ini bermaksud jawatan-jawatan yang akan dikosongkan untuk diisi melalui kaedah rancangan penggantian di samping jawatan-jawatan

kosong yang perlu diisi oleh kerajaan untuk jawatan-jawatan yang diperlukan.

## **1.3 WARGA PERKHIDMATAN AWAM BERNIAGA**

### **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, pada hari Selasa 08 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 46-47)**

Saya ingin cuma menyuarakan kekhuatiran apabila kita bercakap mengenai alternatif kepada kebergantungan minyak dan gas iaitu membuka peluang bidang-bidang perniagaan kepada semua termasuk kakitangan dan warga perkhidmatan awam, iaitu dalam keghairahan kitani menggalakkan orang-orang berniaga. Pentingnya perlu ada pengawalan terutama bagi kakitangan kerajaan yang dikhawatir akan menjadikan tempat bertugas untuk berjual beli dan akhirnya fokus kepada tugas-tugas akan terjejas bukan sahaja kepada yang berniaga juga kepada orang yang melihat jualan. Maka di sini akan timbul impak kurang baik kepada produktiviti perkhidmatan dan bagaimana kita akan mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan sektor awam yang akan kita hasratkan dalam Wawasan negara 2035.

### **JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Kewangan II, pada hari Selasa, 08 Mac 2016,  
Sesi Petang, m.s. 3)**

Terakhir, ialah mengenai saranan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, terutamanya mengenai kekuatiran beliau jika pegawai kerajaan berkecimpung dalam bidang perniagaan yang akan menjaskan mereka dari menjalankan tugas dan ini sudah setentunya akan menjaskan produktiviti perkhidmatan awam.

Pada menjawabnya, berdasarkan kepada Peraturan 10, Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Kelakuan dan Tatatertib Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 1983 Penggal B: "Seorang pegawai tidak boleh mengambil bahagian dengan secara langsung atau tidak langsung dalam urusan atau perjalanan-perjalanan mana-mana pekerjaan, perniagaan, pertanian dan perusahaan."

Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai kerajaan dalam Bahagian III ke bawah dipertimbangkan untuk menjalankan perniagaan tertentu selepas waktu bekerja dan cuti awam dengan syarat, mereka hendaklah menghadapkan permohonan ke Jabatan Perdana Menteri dengan sokongan Ketua Jabatan atau Setiausaha Tetap masing-masing untuk mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri.

Dalam hal ini, terdapat peraturan dalam mengawal mana-mana pegawai yang telah diberikan kebenaran untuk menjalankan perniagaan, ini antara lainnya termasuklah:-

- i. Tidak dibolehkan menjalankan perniagaan pada waktu bekerja, termasuk tidak keluar pejabat kerana urusan pekerjaan atau perniagaan tersebut;
- ii. Mematuhi waktu-waktu bekerja yang telah ditentukan;
- iii. Menyelesaikan dan tidak menjelaskan kerja-kerja di pejabat;
- iv. Tidak boleh menggunakan peralatan pejabat bagi tujuan menjalankan perniagaan;
- v. Ketua Jabatan hendaklah mengawal dan memantau prestasi pegawai tersebut dari semasa ke semasa; dan
- vi. Mana-mana pegawai yang didapati prestasinya menurun tidak akan disokong untuk disambung kebenaran perniagaannya

## **1.4 PENYEDIAAN BILIK KHAS PENJAGAAN ANAK DAMIT DI PEJABAT**

### **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, pada hari Selasa 08 Mac 2016, Sesi Petang, m.s. 26)**

Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam dapat memikirkan untuk mengadakan ataumenyediakan tempat atau bilik khas yang bersesuaian di jabatan-jabatan kerajaan untuk dijadikan penjagaan anak-anak damit bagi memudahkan ibu-ibu dalam kalangan kakitangan dan pegawai wanita yang mempunyai anak-anak damit yang masih memerlukan penyusuan susu ibu dan sudah setentunya diberikan suatu tempoh yang bersesuaian atau untuk sementara waktu sahaja. Hal ini bukan sahaja memberikan keselesaan atau ketenangan ibu-ibu berkenaan tetapi lebih jauh lagi dapat memberi kesan dari aspek produktiviti kerja mereka, mengurangkan waktu keluar masuk pejabat dan prestasi kerja di jabatan juga akan meningkat maju dan satu lagi dapat menyelesaikan satu masalah iaitu untuk mendapatkan pembantu rumah yang sekarang ini bukan sahaja payah untuk mencari calon kemudian bayaran yang mahal dan kadang-kadang ada yang mengalami kes-kes penipuan, apatah lagi dalam keadaan sekarang ini kegawatan ekonomi. Jadi saya harap cadangan ini akan dapat dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

**JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Kewangan II, pada hari Rabu, 09 Mac 2016,  
Sesi Pagi, m.s. 23)**

Pada menjawabnya, cadangan Yang Berhormat Datin tersebut adalah amat baik yang bukan sahaja memberikan kemudahan yang diperlukan tetapi diharap dapat meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin, setakat ini tidak ada sebarang dasar khusus bagi pihak kerajaan untuk menyediakan tempat penjagaan anak-anak damit di pejabat-pejabat kerajaan. Walau bagaimanapun, pada masa ini terdapat penyediaan bilik khas bagi keperluan penyusuan bayi yang penyediaan ini atas inisiatif kementerian dan jabatan masing-masing mengikut keperluan.

Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan memang peka akan keperluan untuk menyediakan tempat bilik khas berkenaan dan dalam hubungan ini beberapa kementerian dan jabatan mengambil inisiatif sendiri untuk mewujudkan bilik khas bagi kegunaan para ibu yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan wanita untuk penyusuan bayi tetapi bukan sebagai tempat penjagaan anak-anak damit secara am.

Dalam pada itu, pihak kerajaan juga memberikan kebenaran dan kelonggaran atas budi bicara Ketua Jabatan kepada para ibu untuk

menjalankan hal-ehwal penyusuan bayi. Cadangan ini insya-Allah akan diteliti dengan sehalus-halusnya dan terperinci kerana penyediaan bilik khas untuk penjagaan anak-anak damit ataupun Day Care Centre melibatkan berbagai-bagai aspek seperti aspek prasarana, khidmat penjagaan, isu-isu keselamatan kepada anak-anak dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, melihat kepada perspektif lain, pihak kerajaan juga mengambil baik akan saranan Yang Berhormat itu iaitu dalam melihat kesesuaian pewujudan bilik khas ini dapat membuka peluang keusahawanan dan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan untuk membuka Day Care Centre di jabatan-jabatan kerajaan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

## **1.5 PENEMPATAN PEGAWAI PENTADBIR**

### **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, pada hari Khamis, 10 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 37)**

Pegawai Pentadbir yang ditempatkandi Pejabat Daerah Tutong sering sahaja bertukar ganti, paling lama pun 2 tahun. Ini menjelaskan pentadbiran Daerah Tutong kerana pengalaman-pengalaman yang diperolehi oleh pegawai-pegawai tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya. Kaola cadangkan supaya mereka ini ditetapkan sekurang-kurangnya dalam 5 tahun agar pengalaman-pengalaman ini, tentang hal ehwal Daerah Tutong dapat digunakan untuk kemudahan di Daerah Tutong.

### **JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, pada hari Khamis, 10 Mac 2016, Sesi Petang, m.s. 15)**

Usul atau cadangan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai perkhidmatan Pegawai Pentadbir di Jabatan Daerah dipanjangkan sehingga tempoh 5 tahun. Perkara ini diambil maklum. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dimaklumi bahawa Pegawai-

pegawai Pentadbir ini pada lazimnya diedarkan untuk bertugas dari sebuah jabatan ke sebuah jabatan untuk menerima pendedahan dan mencari pengalaman dalam berbagai-bagai bidang pentadbiran.

### **[CADANGAN JAWAPAN YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TETAPI TIDAK DIBAHASKAN]**

Terima kasih di atas cadangan YB Awg Ramli bin Haji Lahit mengenai penempatan pegawai-pegawai pentadbir di Daerah Tutong.

Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai-pegawai pentadbir yang ditempatkan di Jabatan-Jabatan Daerah adalah di kalangan Pegawai Pentadbir Pelatih. Pegawai Pentadbir Pelatih yang menjalani 'on-the-job training' akan ditempatkan dalam sekurang-kurangnya 3 kementerian/jabatan dalam tempoh percubaan mereka sebagaimana yang digariskan atau dikehendaki di dalam Skim Perkhidmatan mereka sebelum ditetapkan sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat I.

Penempatan ini adalah bertujuan sebagai pendedahan (exposure) kepada hal ehwal pentadbiran dan dasar-dasar kerajaan, serta pendekatan dalam sosial dan kemasyarakatan di peringkat mukim dan kampung khususnya, dan daerah umumnya. Malah penempatan pegawai pentadbir pelatih di agensi-agensi yang telah dikenalpasti adalah juga bagi membantu dalam melaksanakan program-program strategik agensi-agensi berkenaan.

Untuk makluman pegawai-pegawai pentadbir selain daripada pegawai pentadbir pelatih memang ditempatkan di daerah-daerah sekurang-kurangnya dalam tempoh 3 tahun. Walaubagaimanapun, cadangan Yang Berhormat akan diteliti dari segi keupayaan dan juga keperluan dari masa ke semasa.

## **1.6 PENSERAGAMAN CUTI JUMAAT DAN SABTU**

### **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, pada hari Sabtu, 12 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 45-46)**

Terdapat juga sebahagian pelajar yang tidak hadir ke sekolah dan ini sering terjadi pada hari Sabtu. Keadaan ini sudah entu akan menjelaskan matlamat Kementerian Pendidikan untuk membantu negara ini mencapai Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat dan penduduk yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun.

Yang Berhormat Pengurus dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk menangani masalah ponteng sekolah ini, dicadangkan supaya cuti 2 hari di hujung minggu diseragamkan di kesemua kementerian dan jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat termasuk sekolah-sekolah di negara ini iaitu menukar hari kelepasan awam selama 2 hari iaitu hari Jumaat dan Ahad kepada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu. Apa yang diperhatikan pada masa ini, pada hari kelepasan awam itu sebahagian jabatan kerajaan dan syarikat swasta ialah pada hari Sabtu dan Ahad.

Disebabkan keadaan ini, terdapat keluhan dari pegawai dan kakitangan kerajaan yang keluarga mereka berasal di pedalaman mengalami kesulitan untuk balik bercuti ke kampung masing-masing kerana baru sahaja sampai ke sana tetapi pada keesokan harinya mereka perlu balik untuk bekerja semula.

Ketua keluarga yang hari kelepasannya pada hari Sabtu, misalannya, tentu sekali mahu menghabiskan masa cuti mereka bersama keluarga di kampung atau bercuti di negara jiran dengan membawa anak-anak mereka bersama. Keadaan ini akan terpaksa menyebabkan anak-anak mereka akan ponteng sekolah pada hari Sabtu.

Yang Berhormat Pengurus, dengan menyeragamkan hari kelepasan awam yang dicantumkan menjadi 2 hari misalannya, pada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Jumaat dan Sabtu, sudah tentu akan memberi kesan yang positif kerana masalah ponteng sekolah pada hari Sabtu akan berkurangan dan ini akan membolehkan ibu bapa dan anak-anak dapat bersama-sama bercuti dan mendapat cukup rehat.

**JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Pendidikan, pada hari Isnin, 14 Mac 2016,  
Sesi Pagi, m.s. 21-22)**

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji

Awang Abdul Rahman mengenai dengan isu penyaragaman cuti sama ada pada hari Jumaat dan hari Sabtu dapat disamakan. Perkara ini bukanlah dapat dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja mungkin melibatkan agensi-agensi yang lain. Perkara itu kita serahkanlah kepada agensi lain yang untuk mengambilnya dan kita akan duduk bersama berbincang kesesuaian menyaragamankan cuti 2 hari seminggu itu.

**[CADANGAN JAWAPAN YANG DISEDIAKAN OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TETAPI TIDAK BAHASKAN]**

Terima Kasih di atas saranan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman mengenai cadangan untuk menukar hari kelepasan awam kepada Hari Sabtu dan Ahad yang mana untuk disejajarkan dengan cuti awam Sekolah/Jabatan dan Kementerian.

Menurut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83), Bab 4, waktu-waktu bekerja adalah pada hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu. Manakala beberapa Kementerian/Jabatan seperti Kementerian Pertahanan dan beberapa buah Government-linked companies (GLCs), waktu bekerjanya adalah pada Hari Isnin hingga Jumaat.

Sebarang cadangan untuk menyelaraskan hari-hari bekerja yang membabitkan hari – hari kelepasan am dan awam iaitu Jumaat dan Ahad adalah tertakluk kepada keperluan dari masa ke semasa. Cadangan telah dibuat bagi mengubah atau menyelaraskan hari-hari bekerja tetapi setakat ini belum ada keperluan untuk mengubah waktu bekerja kerana ianya hanya menjaskan sebahagian kecil Kementerian/Jabatan dan agensi yang tertentu sahaja. Tambahan lagi, sektor awam sudah mempunyai sejumlah 13 hari kelepasan awam setahun.

## **1.7 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN**

## **SOALAN/CADANGAN**

**(Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, pada hari Sabtu, 12 Mac 2016, Sesi Pagi, m.s. 48)**

Kementerian Pendidikan disarankan supaya membuka seluas-luasnya dan memberikan peluang kepada penjawat awam untuk mengikuti pembelajaran di institusi pendidikan tinggi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan terutamanya kepada penjawat awam Bahagian III dan IV diberi peluang untuk mengikuti demi menambahkan sumber tenaga yang bependidikan tinggi sesuai dengan Wawasan Brunei 2035.

## **JAWAPAN:**

**(dari YB Menteri Pendidikan, pada hari Sabtu, 12 Mac 2016,  
Sesi Petang, m.s. 22-23)**

Soalan pertama ialah soalan ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai peluang yang boleh diberikan kepada warga perkhidmatan awam Bahagian III ke bawah untuk belajar di institusi pengajian Tinggi. Maka sebagai jawapan Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan tersebut. Pada menjawabnya kaola ingin merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 27/1998

dan Surat Jabatan Perdana Menteri Bil. 10/2006 iaitu tidak ada halangan bagi mana-mana pegawai dan kakitangan kerajaan dalam semua bahagian termasuk Bahagian III dan kebawah untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).

Walau bagaimanapun pemberian (LDP) antara lain adalah tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut. Keperluan dan perancangan strategik kementerian-kementerian dan jabatan yang mengutamakan kepada pegawai terbaik dalam bidang masing-masing yang mempunyai potensi yang tinggi dan merit untuk mengikuti dan berjaya menamatkan kursus dengan cemerlang bagi memenuhi objektif utama skim iaitu peningkatan tahap kemahiran, pengetahuan dan profesionalisme dalam perkhidmatan awam.

Pegawai-pegawai yang disokong mengikuti Skim (LDP) juga mestilah memenuhi syarat-syarat utama dan syarat kelayakan akademi seperti dinyatakan dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Dalam konteks, ini perlu ditekankan bahawa Skim (LDP) tidak terikat secara langsung dengan pemberian jawatan tinggi atau jawatan tangga gaji yang lebih tinggi kepada pegawai yang telah berjaya dalam latihan atau kursus yang diikuti sama ada dalam latihan ataupun kursus yang diikuti.

Mengikut perangkaan 2006 sehingga Disember 2015, seramai 2,646 orang pegawai di Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam Negeri dalam berbagai-bagai tahap dan bidang termasuk Diploma Kebangsaan, Diploma Tertinggi, Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Kalau mengikut pecahannya dari Bahagian III jumlah kebenaran yang telah pun diberikan ialah 2,085 orang. 1,941 orang Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 16 orang belajar Separuh Masa dan 4 orang diberikan Skim Cuti Tidak Bergaji. Sementara Bahagian IV seramai 510 orang telah pun dibenarkan. 314 orang mengikuti Skim Belajar Dalam Negeri, 26 orang separuh masa dan 20 orang Skim Cuti Tidak Bergaji dan di Bahagian V sebanyak 51 orang telah pun dibenarkan, 9 orang mengikuti Skim Cuti Belajar Dalam Negeri, 32 orang Separuh Masa dan Skim Cuti Tidak Bergaji hanya seorang.

Bagi tempoh yang sama juga seramai 684 orang pegawai dari Bahagian III dan ke bawah telah dibenarkan untuk mengikuti Skim Latihan Perkhidmatan Seberang Laut di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh untuk mengikuti pengajian pada tahap Sijil Diploma Tertinggi, ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana. Mengikut data yang kita terima Bahagian III seramai 542 orang telah pun dibenarkan dan 456 orang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh (full in service training), 15 orang Skim Cuti Belajar Luar Negeri dan sementara di Bahagian IV jumlah 130 orang

yang mengikuti Skim Dalam Perkhidmatan Penuh dan seorang Skim Cuti Tidak Bergaji.Sementara Bahagian V, 3 orang kebenaran telah pun diberikan, ketiga-tiganya mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh dan jumlah yang telah pun dibenarkan ialah 684 orang dan itulah data yang telah pun didapatkan mengenai perkara ini.

Dalam menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Memang tidak ada halangan bagi mereka yang di Bahagian III ke bawah untuk belajar di institut pengajian tinggi dan sebagaimana data yang telah diberikan sudah terdapat banyak yang mengikuti kursus-kursus tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.